

KPDNHEP bincang bersama pembekal, pastikan bekalan penutup mulut dan hidung mencukupi

oleh Jessica Jawing

2020-01-30T16:04:28+08:00

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan perbincangan bersama pembekal penutup mulut dan hidung bagi memastikan bekalan barang berkenaan mencukupi.

Timbalan Menterinya, Chong Chieng Jen berkata, kementerian berusaha untuk melakukan yang terbaik bagi menampung bekalan penutup berkenaan, yang kini mendapat permintaan tinggi dipasaran terutamanya dalam situasi Koronavirus Wuhan.

"Ekoran daripada pembelian panik dalam kalangan orang ramai, banyak premis menjual penutup mulut dan hidung telah kehabisan stok.

"Pegawai dari kementerian akan mengadakan perjumpaan bersama para pembekal hari ini untuk membincangkan tentang meningkatkan bekalan penutup mulut dan hidung di pasaran, termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kita kini berada dalam situasi krisis global, semua perlu bekerjasama untuk menanganinya dan kementerian cuba melakukan terbaik bagi memastikan bekalan yang cukup di pasaran," katanya pada sidang media di pejabat KPNDHEP di sini, hari ini.

Menurut Chong, hanya terdapat tiga kilang yang mengeluarkan penutup mulut dan hidung di seluruh negara dan kesemuanya terletak di Semenanjung Malaysia.

Katanya, dua daripada kilang berkenaan menumpukan untuk pasaran eksport, sementara satu lagi kilang mengeluarkan penutup mulut dan hidung untuk dibekalkan kepada hospital kerajaan.

Ditanya mengenai bekalan yang mencukupi sekiranya krisis masih berpanjangan, Chong tidak menafikan ia akan lebih serius sekiranya krisis terus berlanjutan terutamanya kepada pengilang yang membekalkan penutup berkenaan.

"Tadi saya telah memeriksa dan mendapati kita masih mempunyai stok di beberapa farmasi di sini, walaupun ada antara mereka telah kehabisan stok namun mereka dalam proses menambahkan stok," tegasnya.

Beliau berharap dengan perbincangan pegawai kementerian bersama pembekal yang ada dapat membantu memastikan bekalan berkenaan mencukupi di pasaran seluruh negara.